

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپيټ فونٽ يونٽ بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 08/2017

Kepada: Pelajar Tahun Akhir Kursus Perubatan Yang akan Tamat Pengajian Dan Seterusnya Menjalani Latihan Foundation Year 1 & Year 2 Pada Sesi 2017/2018

Dengan hormat sukacita dimaklumkan kepada semua pelajar-pelajar Perubatan yang akan tamat pengajian tahun akhir, supaya mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:-

1. STATUS ACADEMIC

1.1 Pelajar-pelajar Tahun Akhir Perubatan yang **telah lulus peperiksaan tahun akhir** dan **akan mengikuti Foundation Year 1 dan Year 2** hendaklah menghadapi perkara-perkara berikut kepada Unit Penuntut-Penuntut bagi mendapatkan kebenaran dari MOE untuk pelajar meneruskan Latihan tersebut.

- I. Surat Permohonan dari pelajar untuk mengikuti Foundation Year 1&2.
- II. Keputusan peperiksaan akhir tahun;
- III. Surat Penerimaan Latihan (*Letter of Acceptance for Training*) / Surat Tawaran Latihan (*Offer Letter for Training*) – surat tersebut mestilah menyatakan mengenai nama, tempoh dan tempat latihan serta tarikh bermula dan berakhir.
- IV. Salinan surat kontrak bagi perkara (III).
- V. CV Pelajar
- VI. Sila kemaskini dengan melapor (registration) di student portal bagi sesi 2017/2018

1.2 Kegagalan untuk menghadapi semua perkara tersebut di atas akan menjejaskan pembayaran elaun bulanan bagi sesi 2017/2018.

1.3 Tarikh tutup : Secepat Mungkin

2. PELAJAR YANG PERLU MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN (RESIT) DAN PELAJAR YANG PERLU MENGULANG TAHUN PENGAJIAN (REPEAT)

2.1 Pelajar yang gagal tetapi diberi peluang oleh pihak universiti untuk **menduduki peperiksaan ulangan (re-sit)** adalah dinasihatkan untuk berada di United Kingdom sehingga keputusan peperiksaan ulangan diumumkan;

2.2 Pelajar hendaklah memohon kebenaran kepada Unit Penuntut-Penuntut secepat yang mungkin dengan **mengisikan Borang Permohonan Bagi Menduduki Peperiksaan Ulangan (RESIT)** yang boleh didapati daripada laman web www.upp.org.uk;

2.3 Jika pelajar tidak memohon kebenaran awal untuk menduduki peperiksaan ulangan, kos pembayaran peperiksaan resit adalah di atas tanggungan pelajar sendiri;

A.

2.4 Pelajar-pelajar yang **gagal pengajian dan perlu mengulang (repeat)** hendaklah memaklumkan dan **menghadapkan surat permohonan untuk mengulang** dengan segeranya kepada Yang Mulia Pengarah Pengajian, Unit Penuntut-Penuntut untuk tindakan selanjutnya;

2.5 Elaun sarahidup dan elaun perjalanan semasa tempoh mengulang hanya akan dibayar sekiranya mendapat kebenaran mengulang tahun pengajian daripada Kementerian Pendidikan.

2.6 **Permohonan untuk mengulang tahun pengajian (repeat)** mestilah disertakan dengan:

- I. Surat sokongan / kebenaran daripada pihak universiti;
- II. Laporan akademik dan peratus kehadiran ke kuliah daripada pihak universiti;
- III. Transkrip keputusan;
- IV. Tempoh mengulang dan modul yang perlu diulang.

3. PULANG KE TANAH AIR

3.1 Semua Pelajar yang pulang bercuti sama ada atas tambang Kerajaan (*Biennial Leave*) atau persendirian hendaklah **melaporkan diri di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan selewat-lewatnya seminggu** setelah berada di Brunei Darussalam. Pelajar-Pelajar hendaklah juga memaklumkan mengenai perkara ini kepada Unit Penuntut-Penuntut sebelum bertolak ke tanahair.

Akhirnya Unit Penuntut-Penuntut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perhatian dan kerjasama yang diberikan semoga Allah SWT akan sentiasa melimpahkan semua pelajar keberkatan dan beroleh kejayaan yang cemerlang dalam pengajian masing-masing

Sekian untuk makluman dan perhatian bersama mengenainya.

Wassalam

“Generasi Berwawasan, Peneraju Kepada Kemajuan Negara”



AHMAD FAISAL BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

Pengarah Pengajian
Unit Penuntut Penuntut di London

Rujukan: BSU E/5 Part XIV

Tarikh: 30 Jamadilawal 1438 / 27 Februari 2017

IA/hz